

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH
BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 06 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]
minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana keseriusan
kes-kes penculikan kanak-kanak di negara ini serta langkah
mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan statistik, bagi tahun 2016 hingga bulan Ogos 2019, sebanyak 135 kes penculikan kanak-kanak dilaporkan diseluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 95 kes telah berjaya diselesaikan manakala sebanyak 40 kes masih lagi dalam siasatan PDRM. Berdasarkan statistik ini juga dapat dilihat penurunan jumlah kes penculikan kanak-kanak yang dilaporkan.

Dakwaan yang menyatakan bahawa jenayah culik terhadap kanak-kanak semakin berleluasa ketika ini adalah tidak benar dan merupakan khabar angin semata-mata. Ia disebarluaskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di dalam media sosial bertujuan untuk menakut-nakutkan dan menimbulkan persepsi negatif masyarakat terhadap keupayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangani masalah jenayah. Kerajaan memandang serius setiap kes kehilangan kanak-kanak yang dilaporkan. Dalam hal ini, pelbagai usaha dan tindakan telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan kanak-kanak yang hilang antaranya;

SOALAN NO : 12

- i) sebaik sahaja laporan mengenai kehilangan diterima, semua butiran mengenai kehilangan tersebut terutamanya gambar dan maklumat fizikal kanak-kanak tersebut akan disebarluaskan secepat mungkin ke pelbagai saluran termasuklah ke petugas di pintu-pintu masuk untuk memastikan pengesahan awal dan mencegah mereka daripada dibawa keluar negara;
- ii) PDRM akan memuatnaik Portal Kanak-kanak Hilang dilaman sesawang rasmi PDRM mendapatkan bantuan dari orang ramai untuk menyalurkan maklumat mengenai kanak-kanak yang hilang. Maklumat berkenaan dipaparkan di portal <https://knk2hilang.rmp.gov.my> untuk memudahkan lagi penyaluran maklumat mengenai kes kehilangan itu kepada orang ramai bagi mendapatkan bantuan atau maklumat dalam usaha mengesan dan menyelamatkan kanak-kanak yang hilang itu;
- iii) PDRM juga menjalankan kerjasama dengan KPWKM melalui NUR Alert iaitu sistem amaran awal bagi kes kehilangan kanak-kanak untuk membantu agensi penguatkuasa undang-undang dalam menjalankan siasatan dan membawa kepada tangkapan yang pantas. Sistem ini melibatkan kerjasama 39 petugas daripada pelbagai kementerian, jabatan, agensi kerajaan, swasta dan agensi bukan kerajaan (NGO); dan
- iv) PDRM turut mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam pengajuran program-program kesedaran untuk mengelakkan kes ini daripada berulang. Kempen Kesedaran Kanak-Kanak atau Child Awareness Campaign (CAC) bertujuan memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa kanak-kanak mudah terdedah menjadi mangsa dan adalah penting untuk memastikan keselamatan mereka terjamin.

Kementerian menyeru masyarakat agar tidak mudah mempercayai sebarang bentuk khabar angin yang disiarkan di media sosial dan meminta semua pihak mendapatkan maklumat yang sahih yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Pihak polis tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana individu atau pihak yang menyebarkan berita-berita yang boleh menimbulkan keresahan dan ketakutan kepada masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelajar-pelajar yang mengikuti modul dan rangka pembelajaran Transformasi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) menepati pasaran pekerjaan yang ada di negara ini seiring dengan perkembangan teknologi maklumat (IT) dan media sosial. Dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik sistem pendidikan TVET ini agar pelajar yang benar-benar mahir dalam sektor ini terus diberi pendedahan yang lebih khusus dan menjurus kepada bidang pekerjaan atau perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menambah baik ekosistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi memastikan graduan yang dihasilkan adalah menepati keperluan pasaran terutamanya dalam era Industri 4.0. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pemerkasaan TVET (JKKPTVET) pada 14 Ogos 2019 sebagai badan penasihat kepada Kerajaan untuk pembangunan aliran TVET negara selain turut membahaskan isu-isu semasa negara berkaitan TVET. Jawatankuasa telah bersetuju dan menetapkan visi TVET negara adalah TVET untuk Tenaga Kerja Berkemahiran Menjelang 2030. Manakala, misi TVET negara adalah Memperkasa Tenaga Kerja dengan Kemahiran Berasaskan Industri untuk Memacu Ekonomi Negara.

Laporan Pelan Pemerkasaan TVET telah menggariskan 20 strategi dan 15 syor pada lima pemacu utama iaitu governan, pembiayaan, Industri, kualiti dan penjenamaan dalam mencapai aspirasi kebangsaan ekosistem TVET dan aspirasi pelajar TVET berkemahiran tinggi. Manakala *Key Performance Indicator* (KPI) utama JKKPTVET ialah Badan Penyelaras TVET Negara, Model Pembiayaan, Model Pemilikan Bersama, Persijilan TVET (Industri) dan Jenama TVET Kebangsaan Tunggal. Usaha ini adalah antara langkah yang dilakukan bagi mencapai sasaran kerajaan untuk melahirkan sebanyak 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2020.

Selain itu, perubahan dari segi pemikiran dan persepsi cara bekerja dan budaya adalah melalui fasa penglibatan industri iaitu daripada *industry participation* kepada *industri partnership* seterusnya kepada *industry-led TVET*.

KPM juga bekerjasama dengan industri dalam memastikan kurikulum yang digunakan menepati keperluan industri seperti kerjasama antara Politeknik Mersing, Johor dengan *Cybersecurity Malaysia* dalam membangunkan Diploma Dwi-Akreditasi Dalam Teknologi Maklumat dan Pensijilan Profesional Keselamatan Siber Global. Selain itu, kerjasama

Politeknik bersama *Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)* juga telah memanfaatkan lebih daripada 10,000 pelajar politeknik dalam program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) bagi memenuhi keperluan industri digital.

Seiring dengan perkembangan Industri 4.0, KPM juga telah menerbitkan Rangka Kerja TVET 4.0 (2018-2025) sebagai garis panduan kepada institusi TVET di bawah KPM termasuk politeknik, kolej komuniti, kolej vokasional serta *Malaysian Technical University Network (MTUN)*.

Pihak MQA bersama-sama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah mengambil inisiatif untuk mengkaji pelaksanaan dasar TVET negara dengan memperkenalkan Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET.

Bermula September 2019, MTUN telah menawarkan program Sarjana Muda Teknologi yang memberi fokus kepada kebolehan dan kemahiran pelajar dalam sesuatu kemahiran vokasional serta turut menekankan aspek keusahawanan. Ini memberi fleksibiliti kepada pelajar untuk memilih bidang pekerjaan atau menjadi usahawan setelah tamat pengajian.

Sekian, terima kasih.

RJM69